

Dalamkan sungai bermula Rabu

JPS Hulu Langat bersih, korek Sungai Bukit Belacan berperingkat

● BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kerja membersihkan dan mendalamkan Sungai Bukit Belacan, Ampang yang dipercayai menjadi punca limpahan air sehingga mengakibatkan banjir berlaku Rabu lalu akan dimulakan hari ini.

Jurucakap Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Hulu Langat berkata, kerja berkenaan dilakukan selepas penduduk di kawasan terabit selesai kerja membersihkan dan mengangkut barangan yang musnah untuk dipindahkan ke kawasan lain.

Katanya, kerja mengorek serta mendalamkan sungai itu hanya akan dilakukan secara berperingkat selepas aktiviti membersihkan sungai yang kini dipenuhi sampah serta kayu selesai dilakukan.

"Kita akan mula dulu dengan membersihkan kawasan sekitar sungai termasuk menyelenggara jambatan yang roboh sebelum kerja mendalamkan sungai dilakukan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Rabu lalu, hujan lebat lebih lima jam sejak 4.30 petang mengakibatkan beberapa kawasan di Hulu Langat dan Ampang dinaiki air setinggi dua meter menyebabkan barangan penduduk seperti kenderaan, dokumen penting dan rumah musnah.

Berikutan itu, 1,545 penduduk di kawasan terjejas dipindahkan ke tujuh pusat pemindahan sementara antaranya di Dewan Datuk Ahmad Razali, Balai Penghulu Batu dan



MANGSA banjir beratur untuk mengambil air bersih yang dibekalkan SYABAS di Kampung Bukit Sungai Puteh, Ampang, semalam.

Sekolah Kebangsaan Sungai Serai di Hulu Langat dan Surau Ihsaniah, Kampung Lembah Jaya Utara, Ampang.

Tinjauan *Berita Harian* semalam mendapati, bekalan air di beberapa kawasan banjir terutama di Kampung Lembah Jaya Utara dihentikan dan menyebabkan aktiviti membersihkan kawasan rumah yang dipenuhi lumpur tergendala.

Pihak Syarikat Bekalan Air Se-

langor (SYABAS) yang dihubungi berkata, tindakan memberhentikan bekalan air dilakukan sejurus selepas pihak pengendali Loji Rawatan Air (LRA) Puncak Niaga Sdn Bhd (Puncak Niaga) menghentikan sementara operasi LRA mereka.

Ia dilakukan berikutan kejadian hujan lebat Rabu lalu yang menyebabkan tangki flok dan penapis pasir (*slow sand filters*) di loji itu dipenuhi lumpur.

Berikutan pemberhentian operasi itu, SYABAS mengambil tindakan awal dengan menyalurkan bekalan air alternatif dari LRA Wangsa Maju bagi mengurangkan jumlah kawasan yang terjejas.

Di kawasan penempatan banjir pula, SYABAS menyediakan khidmat bekalan air melalui lori dan tong menyimpan air yang diletakkan di kawasan terabit bagi kegunaan mangsa.